

Usah kaitkan sentimen agama — PM

UM -8 MAY 2000

KUALA LUMPUR 7 Mei — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad meminta media asing supaya tidak mengaitkan sentimen agama dalam laporan mereka mengenai usaha menyelamatkan 21 orang tebusan di Pulau Jolo, selatan Filipina.

Perdana Menteri berkata, tindakan media asing itu hanya akan mencetuskan masalah baru dan seterusnya akan mengganggu serta melambatkan usaha menyelamat.

Menurutnya, sentimen agama juga akan menyebabkan kumpulan Abu Sayyaf iaitu kumpulan yang menculik tebusan itu, merasa bimbang dan ia boleh mengakibatkan mereka bertindak balas.

"Bila mereka terdesak, mereka mungkin akan



bertindak balas," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah Larian Piala Thomas/Uber 2000 di Dataran Merdeka, hari ini.

Beliau ditanya sama ada tindakan media asing mengaitkan sentimen agama dalam laporan mereka akan melambatkan usaha menyelamatkan 21 orang tebusan yang diculik dari Pulau Sinadan, 23 April lalu.

Semalam, sebuah stesen televisyen Filipina dalam temu bual dengan

paderi dan keluarga anggota tentera Filipina yang terbunuh dipetik sebagai berkata, masyarakat Islam di Mindanao harus dipersalahkan terhadap apa yang berlaku ke atas keluarga mereka.

Dr. Mahathir bagaimanapun berkata, beliau tidak terkejut dengan tindakan media asing itu, malah menyifatkannya sebagai sudah dijangka.

Katanya, media asing sering bersikap tidak bertanggungjawab dan dalam isu tebusan tersebut, mereka tidak memikirkan tentang keselamatan mangsa.

Sebaliknya tegas beliau, media asing lebih mengutamakan agenda tersembunyi mereka di rantau ini terutama terhadap Malaysia dan umat Islam yang lain.